

# Tabung RM80 sebulan untuk ibadah korban



**KERJA** melapah dilakukan oleh peserta ibadah korban dan mahasiswa UNIMAS.

**| SITI HASLINA HUSSIN**

**KOTA SAMARAHAN:** Sempena sambutan Aidiladha, Baitul Ilmi mengadakan program Korban Baitul Ilmi 1444H di Kampung Empila di sini.

Program korban tersebut diadakan bagi memberi peluang kepada Saudara Kita menghayati pengertian pengorbanan Nabi Ibrahim dan anaknya, Nabi Ismail dalam mentaati perintah Allah SWT di samping merasai suasana ibadah korban.

Selain itu, program yang dikendalikan oleh Baitul Ilmi ini bertujuan untuk menyuntik semangat Saudara Kita agar tidak melepaskan peluang mempelajari dan memahami keistimewaan Aidiladha di samping menggalakkan mereka mengerjakan ibadah korban itu sendiri.

Baitul Ilmi memperkenalkan sistem menabung RM80 sebulan seawal Ogos tahun lalu bagi memudahkan Saudara Kita membuat simpanan untuk ibadah

korban.

Menurut Pengurus Baitul Ilmi Adillah Ismail, sambutan daripada Saudara Kita sangat memberangsangkan dan mereka komited menabung sehingga berjaya mengumpul jumlah yang mencukupi bagi menunaikan ibadah korban pada tahun ini.

"Alhamdulillah, sebanyak tiga kerbau disembelih bagi tujuan ibadah korban. Bagi memudahkan urusan pengendalian, seekor kerbau dikendalikan oleh Baitul Ilmi manakala dua kerbau lain diserahkan kepada pihak pengurusan Rumah Perantaraan Penjara (Parol) dan Sekolah Henry Gurney untuk dilapah dan diagihkan kepada yang berhak," ujarnya.

Adiliah berkata, proses pengendalian sembelihan di Rumah Perantara Penjara (Parol) dan Sekolah Henry Gurney masing-

masing diketuai Sarjan Mejar Mohd Sitar Taib dan Ketua Inspektor Penjara Norjayadi Sarkawi.

Pada tahun ini, Baitul Ilmi membuat sedikit kelainan dengan mengadakan rewang melapah, memotong dan mengagih-agihkan daging korban di rumah salah seorang ahli Baitul Ilmi. Ia bertujuan memupuk semangat berkorban sesama Saudara Kita dengan menjaga hubungan persaudaraan, bersatu hati, menghindari sikap mementingkan diri untuk membentuk kekuatan yang perlu difahami dan dijunjung oleh setiap Muslim.

Menurut tuan rumah, Salina Ajang Abdullah, beliau gembira kerana Baitul Ilmi bersetuju mengadakan rewang korban di



**REWANG** korban yang mengeratkan ukhuwah tanpa mengenal bangsa dan usia.

kediamannya.

"Keseronokan bersama-sama ahli Baitul Ilmi dan rakan yang lain mengeratkan silaturahim antara kami dan menjadi kenangan manis kepada semua yang hadir," tambahnya.

Bagi merasai suasana muhibah dalam kalangan Saudara Kita yang terdiri daripada bangsa Iban, Bidayuh, Kayan, Cina dan Selako, hidangan tradisi ayam pansuh disediakan di samping sup tulang yang dimasak dan dimakan secara beramai-ramai.

Segala persiapan masakan disediakan seawal pagi oleh tuan rumah, petugas, peserta korban dan sukarelawan Baitul Ilmi yang terdiri daripada pelajar Universiti Malaysia

Sarawak (UNIMAS) dari pelbagai fakulti.

Semangat merewang yang tinggi dalam kalangan mereka yang hadir turut memudahkan kerja melapah, memotong dan mengagihkan daging korban yang berjaya diselesaikan sejurus masuk waktu solat Jumaat.

Daging korban diagih-agihkan kepada golongan asnaf dan miskin di sekitar Kota Samarahan selepas solat Jumaat.

Baitul Ilmi ialah sebuah kumpulan sokongan yang aktif bergerak menghulurkan bantuan dan sokongan sosial kepada Saudara Kita dan masyarakat yang memerlukan di sekitar Kota Samarahan.



**MENGEKALKAN** tradisi dan identiti dengan memasak ayam pansuh.



**SEMPAT** merakam gambar kenangan sambil memotong daging korban.



**SUP** tulang hidangan istimewa untuk dihidangkan kepada semua yang hadir.